

CNS3124

U GB 06-10 00192 BA934

aab

PERATURAN PERLU UNTUK MENGAWAL LALUAN DI SELAT MELAKA, KATA MAHATHIR
Mahathir - Selat

KUALA LUMPUR, 6 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata satu peraturan tertentu perlu diadakan untuk mengawal laluan kapal di Selat Melaka bagi memastikan beban kos mengawal keselamatan dan pencemaran di selat tersebut bukan ditanggung oleh negara-negara di rantau ini sahaja.

Perdana Menteri berkata beliau akan berbincang dengan rakan-rakan sejawatannya dari Singapura dan Indonesia untuk mengadakan peraturan tersebut yang dapat memberi keadilan untuk semua pihak; termasuk syarikat-syarikat perkapalan dan negara-negara lain.

Padamasa ini, tidak terdapat satu peraturan dan undang-undang yang mengawal penggunaan selat itu, katanya kepada pemberita di Lapangan Terbang TUDM di sini hari ini setibanya daripada lawatan ke Brunei Darussalam untuk menghadiri sambutan Perayaan Jubli Perak Sultan Brunei menaiki takhta.

Dr Mahathir berkata apa yang dikesalkan ialah keadaan tersebut menyebabkan negara-negara di rantau ini terpaksa menanggung kos yang tinggi untuk mengawal keselamatan perairan itu dan juga kos mengatasi tumpahan minyak apabila berlaku sesuatu kemalangan.

Katanya, kerana itu Malaysia sering menegaskan peningnya bayaran dikenakan bagi mereka yang menggunakan perairan itu. -- Lagi.

▼06/10/19-37MST

CNS3126

R GB 06-10 00125 BA.935

aab

Mahathir - Selat 2, Kuala Lumpur

+Walaupun Selat Melaka merupakan perairan antarabangsa, dan semua pihak berhak menggunakannya tetapi pada hakikatnya apabila sesuatu berlaku, yang menjadi mangsanya adalah kita, yang terpaksa menanggung belanja yang banyak untuk menjaga keselamatan dan kawalan perairan tersebut, + katanya.

Perdana Menteri berkata sebngai perairan antarabangsa ia sepatutnya dijadikan satu tanggungjawab antarabangsa.

+Sekurang-kurangnya mereka patut keluar belanja untuk menjaga keselamatan dan kebersihan perairan itu dan kita tidak dibebankan dengan perbelanjaan yang besar untuk menjaganya, + tambah beliau.

Katanya, pencemaran yang sedang berlaku di Pulau Langkawi bukan sahaja membebankan negara dengan kos yang besar untuk mengawal pencemaran pantai tetapi juga akan memberi kesan kepada perikanan dan pelancongan negara secara tidak langsung, -- Bernama.

▼06/10/19-40MST